

SURAT PEKELILING K.P.U NO.15/72
Opset2 Kapada Bangunan2 Untuk Kerja Kadastra

Pada masa hadapan opset2 kapada bangunan tidak payah di-ambil lagi oleh pengukor2 jika bangunan2 tersebut tidak berselisih dengan sempadan2 lot-nya (encroach over the boundary of the lot).

2. Di-satengah2 bahagian, opset2 kapada bangunan2 yang di-ambil oleh pengukor2 adalah di-gunakan untuk kemaskinikan syit2 rupabumi dan peta2 bandar. Peratoran sekarang untuk mengambil opset2 kapada bangunan2 yang ada semasa mengukor untuk mengemaskinikan syit2 rupamuka dan peta2 bandar tidak memberi apa2 maksud. Mithal-nya , jika semasa mengukor chuma sedikit sahaja bangunan di-bena (atau pun tidak ada langsung) di-ranchangan perumahan (di-"bandar" atau pun di- "separa bandar") chuma opset2 kapada bangunan2 ini sahaja yang harus diambil. Tindakan untuk mengambil opset2 kapada bangunan2 lain yang di-bena kemudian mungkin tidak di-ambil sehingga masa ukoran2 selanjutnya dikehendakki. Tindakan selanjutnya tidak di-kehendaki di-dalam keadaan biasa kechuali untuk pechahan, perchantoman atau pun untuk pengambilan yang mungkin tidak berlaku sama sekali. Sekira-nya berlaku, mungkin terjadi selepas bertahun-tahun kemudian, apabila peta2 itu pun menjadi usang.
3. Pada masa hadapan ada-lah di-cadangkan bahawa kerja2 rupabumi seperti ini patut di-selenggarakan dengan menggunakan chara kajifoto sukat sa-boleh2-nya.

KOK SWEE TUCK
b.p. Ketua Pengarah Ukur,
Malaysia Barat.

Tarikh:11hb.Ogos.1972.